



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88894619

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami: JPA. 800-1/7/2 Jld.4(12)

Tarikh: 25 Februari 2026

Pengarah
Bahagian Kewangan dan Akaun
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
Tingkat 9, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Tuan,

PRINSIP DAN SYARAT PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam, no. ruj. JPA.800-3/2/4(57) bertarikh 23 Februari 2026 - Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 memaklumkan pelaksanaan keputusan Kerajaan untuk memberikan **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026** kepada pesara Kerajaan sebanyak RM250.00 pada **13 Mac 2026**.

3. Seperti sedia maklum, tanggungjawab bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 ini perlu dilaksanakan oleh JHEV bagi pihak Kerajaan. Bersama-sama ini disertakan **Prinsip dan Syarat Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026** untuk makluman dan rujukan selanjutnya.

4. Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MOHD SHAHRIM BIN HUSSIN)

Pengarah
Bahagian Pecen
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

☎ : 03 - 8885 4004

✉ : shahrim.hussin@jpa.gov.my

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan

Leading Reform, Driving Change



PENGKERTIFIKATAN MS ISO 9001 : 2015
NO. SUIL : QMS 01894

**PRINSIP DAN SYARAT PEMBERIAN
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026
JABATAN HAL EHWAL VETERAN, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

1. PUNCA KUASA

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.800-3/2/4(57) bertarikh 23 Februari 2026.

2. KADAR PEMBERIAN

Sebanyak **RM250.00** dibayar sekaligus pada **13 Mac 2026**.

3. ANGGARAN PERUNTUKAN

Berdasarkan data/rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak **RM38,882,000.00** bagi menampung sejumlah **155,528** veteran berpencen/*penerima pencen dan **RM15,000,000.00** bagi menampung sejumlah **60,000** veteran ATM tidak berpencen.

4. PENERIMA YANG LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2026

- 4.1 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa **pada 13 Mac 2026** bagi semua gred di dalam Perkhidmatan ATM.

- 4.2 Penerima seperti di perenggan 4.1 yang tidak bermastautin di Malaysia.
- 4.3 Veteran yang dilantik semula secara tetap, sementara atau *contract of service* dan masih berkhidmat pada **13 Mac 2026** layak diberi BKK Tahun 2026 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JHEV dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana anggota sedang berkhidmat.

5. PENERIMA YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026

- 5.1 Veteran yang **tarikh persaraannya pada 13 Mac 2026 dan selepasnya** kerana BKK Tahun 2026 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.
- 5.2 Veteran/penerima pensen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pensen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa berikutan kematian anggota dalam perkhidmatan pada **13 Mac 2026 dan selepasnya** kerana BKK Tahun 2026 telah dibayar semasa dalam perkhidmatan.

6. PRINSIP PEMBAYARAN

- 6.1 BKK Tahun 2026 akan diproses melalui dua (2) cara iaitu:
 - (i) Secara kelompok iaitu bayaran dibuat melalui kredit bank/cek/waran.
 - (ii) Secara individu bagi veteran/penerima pensen seperti berikut:

- a) Penerima yang berada di luar negara; dan
 - b) Bayaran yang tidak dapat diproses secara kelompok.
- 6.2 JHEV akan mengurus pembayaran BKK Tahun 2026 kepada veteran/penerima pencen. Walau bagaimanapun, bagi maksud mendapatkan peruntukan bayaran veteran tidak berpencen, hendaklah memohon kelulusan Pegawai Pengawal Kementerian Pertahanan.
- 6.3 BKK Tahun 2026 hanya **dibayar sekali sahaja** di Bahagian Pencen (BP), JPA sekiranya veteran/penerima pencen mempunyai rekod di BP, JPA dan JHEV.
- 6.4 Veteran/penerima pencen di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau veteran/penerima pencen di bawah *The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants)* 1952 bagi Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa, dibayar berasaskan **pembahagian sama rata** mengikut akaun penerima pencen.
- 6.5 BKK Tahun 2026 hanya akan dibayar pada tahun ini (tahun semasa) sahaja.

Disediakan oleh:

Bahagian Pencen

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

25 Februari 2026

Nota *:

- i. Penerima pensen adalah orang tanggungan kepada Veteran ATM yang menerima pensen terbitan atau pensen tanggungan.
- ii. Orang tanggungan yang layak adalah balu/ duda/ anak/ ibu/ bapa selaras dengan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 atau The Malay Regiment and The Federation Regiment (Retired Pay, Pension, Gratuity and Other Grants), 1952.